

28/05/2003

Ling temui PM bincang peletakan jawatan

KUALA LUMPUR: Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang mengesahkan akan bercuti mulai bulan depan, berkata beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri berhubung peletakan jawatannya selepas mesyuarat Kabinet hari ini.

"Saya sudah menyerahkan surat peletakan jawatan tanpa tarikh, tetapi sehingga kini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum mengambil sebarang tindakan.

"Tetapi saya akan berbincang dengan Perdana Menteri sekali lagi kerana saya rasa peralihan kuasa pucuk pimpinan MCA sudah berjalan lancar dan mengikut perlembagaan.

"Jadi, saya rasa kami harus berbincang mengenai peringkat seterusnya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Railtech 2003 di sini, semalam.

Ditanya sama ada peringkat seterusnya bermaksud jawatan dalam Kabinet, Dr Ling yang melepaskan jawatan Presiden MCA Jumaat lalu, berkata: "Ya."

Ditanya sama ada beliau akan mencadangkan calon untuk menggantikannya, Dr Ling berkata beliau boleh mengemukakan cadangan tetapi ia adalah hak Perdana Menteri untuk menentukannya.

Dr Ling dan timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek, meletak jawatan secara serentak dalam usaha terakhir untuk meleraikan pertelagahan dua puak dalam

MCA. Berikutan itu, Jawatankuasa Pusat (CC) MCA Jumaat lalu melantik Datuk

Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA.

Dr Ling pernah mengumumkan hasratnya meletak jawatan daripada Kabinet sejak tiga tahun lalu.

Kali pertama Dr Ling mengumumkan hasratnya untuk berundur daripada Kabinet pada 22 Mei 2000, tetapi beliau dinasihatkan oleh Perdana Menteri

untuk menimbangkan semula keputusannya itu.

Selepas bercuti lama, pada 6 Jun 2000, Ahli Parlimen Labis itu mengumumkan beliau sedia meneruskan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan yang disandangnya sejak 1986.

Pada 7 Januari lalu, Dr Ling sekali lagi mengumumkan penyerahan surat peletakan jawatannya dalam Kabinet.